



HARYATI HASAN

Faktor Berlakunya Pelacuran Berdasarkan Laporan MAIK

INTISARI: Di Kelantan, Malaysia, kegiatan pelacuran telah dapat dikesan sejak suku pertama abad ke-19. Sehingga menjelang Perang Dunia II (1939-1945), kegiatan tersebut gagal dibasmi sepenuhnya, walaupun pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan). Artikel ini menganalisis gejala pelacuran dalam kalangan wanita Melayu Kelantan dari tahun 1916 sehingga tahun 1941, yang berdasarkan laporan MAIK. Wanita yang terlibat dalam pelacuran pada waktu itu terdiri daripada mereka yang pernah berkahwin, mereka mendapat pendidikan yang tidak sempurna, jahil dalam bidang agama, kemiskinan, keinginan untuk bersuami lagi, dan penipuan. Tujuan dalam melaksanakan kajian ini adalah untuk mengumpul dan menilai maklumat tentang perceraian dalam masyarakat Melayu Kelantan, khususnya di Kota Bharu, Malaysia. Perkara ini belum pernah berlaku sebelum ini, khasnya pada zaman sebelum Perang Dunia Kedua (1939-1945). Menurut catatan MAIK, ramai wanita yang berkahwin muda, yang akhirnya berhujung pada perceraian mereka. Jawatankuasa itu juga menyatakan bahawa kebanyakan wanita menjadi pelacur, apabila mereka telah diceraikan oleh suami mereka. Ia mendedahkan bahawa bukan sahaja mereka beraksi untuk mencari nafkah supaya boleh menyokong anak-anak mereka, tetapi mereka tidak dapat dengan mudah mencari pekerjaan kerana mereka kurang pendidikan. Rekod MAIK membuktikan bahawa sejak ditubuhkan pada tahun 1915, MAIK telah membuat cubaan serius untuk menghapuskan pelacuran yang melibatkan sebahagian kecil wanita di Kelantan pada masa itu.

KATA KUNCI: Perceraian; Pelacuran; Pendidikan Tidak Sempurna; Jahil dalam Bidang Agama; Kemiskinan.

ABSTRACT: "Influencing Factors towards the Malay Prostitution Based on the Records of MAIK". In Kelantan, Malaysia, prostitution has been detected since the first quarter of the 19th century. Until the World War II (1939-1945), these activities failed to fully eradicated, despite various attempts have been made by the MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan or Kelantan Council for Islamic Religion and Malay Custom). This article analyses the phenomenon of prostitution among Malay women in Kelantan from 1916 to 1941 based on the records of the MAIK. It is discovered that many of the women involved were widows and that lack of proper religious and education, poverty, the urge to remarry, and deception were among the factors which led the women into prostitution. The aim in undertaking this study was to collect and assess information about divorce in a Kelantanese Malay community, particularly in Kota Bharu, Malaysia. This has not been done before, especially on the period before the Second World War (1939-1945). According to the MAIK records, many women who married young ended up divorcing their spouses. The committee also stated that most women became prostitutes, when they were divorced by their husbands. It revealed that not only did they have to earn a living to support their children, but they could not easily find jobs because of their lack of education. The MAIK records prove that since its inception in 1915, the MAIK had made serious attempts to eliminate prostitution involving a small section of women in Kelantan during the time.

KEY WORD: Divorce; Prostitution; Education Imperfect; Ignorant in Religion; Poverty.

About the Author: Dr. Haryati Hasan ialah Pensyarah Kanan di Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI (Universiti Pendidikan Sultan Idris), 35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia. Bagi urusan sebarang akademik, penulis boleh dihubungi via emel di: haryatie@fsk.upsi.edu.my

How to cite this article? Hasan, Haryati. (2015). "Faktor Berlakunya Pelacuran Berdasarkan Laporan MAIK" in *SIPATAHOENAN: South-East Asian Journal for Youth, Sports & Health Education*, Vol.1(2) October, pp.189-198. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, APAKSI Bandung, and KEMENPORA RI Jakarta, ISSN 2407-7348.

Chronicle of the article: Accepted (June 15, 2015); Revised (August 17, 2015); and Published (October 28, 2015).

PENDAHULUAN

Aktiviti pelacuran di Kelantan, Malaysia, bukan merupakan satu fenomena baru. Sejak suku pertama abad ke-19 lagi, aktiviti berkenaan telah dapat dikesan di pelabuhan di sana (Munshi, 1928). Sehingga menjelang Perang Dunia II (1939-1945), MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan) telah menangkap ramai pelacur, khususnya di jajahan Kota Bharu.¹ Laporan MAIK, 156/38, turut menyebut mengenai lokasi dan bagaimana kegiatan tersebut beroperasi di beberapa jajahan di Kelantan.²

Menurut laporan MAIK lagi, undang-undang yang terdiri daripada *notis*,³ *pemberitahu*,⁴ dan *cadangan*⁵ telah diperkenalkan dan dikuatkuasakan dalam usaha mengawal masalah sosial amnya dan masalah salahlaku seksual khususnya. Selain itu, terdapat laporan mengenai penyakit kelamin yang dikaitkan dengan masalah pelacuran, yang dirujuk di hospital Kota Bharu dan Kuala Krai.⁶

Pada awal abad ke-20, ulama terkenal Kelantan, Tok Kenali (1921), menyatakan bahawa faktor kejahilan merupakan sebab utama wanita terjerumus ke lembah pelacuran (Kenali, 1921:5). Haryati Hasan

(2004) pula, dalam pengajiannya, mendapati bahawa terdapat lima faktor yang saling berkait, seperti perceraian, keruntuhan moral, keinginan mendapat kehidupan yang senang, kemiskinan, serta terpedaya (Hasan, 2004:114).

Artikel ini menganalisis laporan bertulis MAIK sehingga menjelang Perang Dunia II, khususnya mengenai perceraian dalam kalangan wanita Melayu Kelantan; dan bagaimana mereka yang berstatus “buje” itu menjadi pelacur.

ISTILAH DAN DEFINISI PELACUR

Analisis laporan MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan) dalam tempoh 25 tahun, dari 1916 sehingga 1941, menunjukkan bahawa terdapat segelintir wanita Melayu Kelantan memilih menjadi pelacur sebagai satu bidang “pekerjaan”, samada secara sepenuh masa atau separuh masa. Menurut laporan MAIK, wanita berkenaan dikenali sebagai *Orang Bujang* atau *Perempuan Bujang*; dan masyarakat di Kelantan menyebutnya sebagai *Ore Buj* (Hasan, 2004:11).

Istilah “pelacur” atau “pelacuran” merupakan sesuatu yang begitu asing kepada masyarakat di sana. Istilah *Orang Bujang* asalnya merupakan gelaran kepada wanita yang berstatus janda. Namun, disebabkan ramai daripada mereka yang menjadi pelacur, maka lama-kelamaan gelaran tersebut menjadi begitu sinonim. Berhubung dengan imej *Orang Bujang* dapat diperhatikan di dalam karya Ishak Haji Muhammad, yang bertajuk *Jalan ke Kota Bharu* (1956). Menurut beliau:

[...] ia sekarang sudah *bujang*, sudah hampir enam bulan ia berpisah dengan suaminya, bercerai bukan dengan kehendak hatinya sendiri, berpecah kongsi bukan kerana berselisih faham. Ia telah diceraikan. Sampai sekarang masih pedih dan pilu hatinya. Dan untuk menghilangkan rasa duka dan lara, rasa hati yang merana, jiwa yang sengsara, dan rasa kesunyian-sunyi kerana tidak ada teman tidur, tidak ada rakan menghibur, tidak ada kawan bercakap-bercakap, bergurau senda dan gelak ketawa. Maka keluarlah ia daripada kampung halamannya yang aman damai itu, larilah ia daripada kawalan ibu bapanya,

¹Lihat, misalnya, “Perempuan-perempuan Sundal dalam Bandar Kota Bharu” dalam MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan), 406/37.

²Laporan MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan), 156/38, ms.1, adalah seperti berikut: “Menerangkan ada sebuah rumah dua lapis Wakaf Siku mukim Langgar, ada berhimpun perempuan-perempuan bujang yang menjadi bising kepada orang yang berhampiran dengan rumah itu, diminta supaya dipadamkan perbuatan dan kelakuan perempuan-perempuan itu, kerana kehadiran yang membawa kelucuhan yang melanggar hukum agama dan lain-lain”. Lihat juga “Berkenaan Perempuan Jahat” dalam MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan), 43/17, ms.47.

³Berkenaan dengan Perempuan Tua yang Menjadikan Barua Titahnya Minta Diberhentikan Mereka yang Semacam itu daripada Menjalankan Pekerjaannya” dalam MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan), 135/16, ms.4.

⁴Lihat “Berkenaan dengan Memberi Notis kepada Tempat Perempuan Duduk di dalam Kawasan Bandar” dalam MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan), 361/22.

⁵Cadangan Hendak Dijalankan Semua Kuasa berkenaan dengan Perempuan Jahat itu kerana pada Masa ini Terlampau Banyak pada Merata Tempat Bandar dan Daerah” dalam MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan), 280/31, ms.1.

⁶Lihat, misalnya, *Annual Report Medical Department Kelantan, 1930*, ms.7; dan *Annual Report Medical Department Kelantan, 1931*, ms.6.

daripada perlindungan saudara maranya. Entah sejauhmana ia akan melarat, entah apa akan jadi kepada dirinya kelak, itu tidak difikirkannya, dan kerana mudanya, kerana rupa parasnya yang elok dengan mudah mendapat “perlindungan” (Haji Muhammad, 1956:28-29).

Rosemary Firth, di dalam karyanya *Housekeeping among Malay Peasants* (1966), pula menyatakan mengenai *Orang Bujang*, sebagai berikut:

[...] it is from the ranks of the *bujang* – generally young divorcees – that the semi-professional prostitutes are drawn. Some *bujangs* seem to lead chaste lives, others have merely occasional intrigues; others, again, live mainly on men, getting 50 cents, \$1 or even \$2 or \$3 for a night with a man (Firth, 1966:45).

Berdasarkan contoh berkenaan, *Orang Bujang* merujuk kepada wanita yang berstatus janda. Mereka menyara kehidupan dengan menjadi pelacur, samada secara sepenuh masa atau separuh masa, kerana didorong oleh pelbagai faktor. Masyarakat Kelantan waktu tersebut kebanyakannya memandang negatif terhadap wanita “buje” ini; dan menganggap mereka sebagai “*perempuan yang sudah tidak tentu lagi maruahnya*” (Hasan, 2004).

Seseorang wanita akan dianggap sebagai tidak bermaruah atau bermoral, daripada kacamata pihak MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan), sekiranya mereka: (1) Berada di luar rumah selepas pukul 12.00 malam; (2) Berada di dalam kedai kopi; (3) Tinggal atau menginap di hotel atau rumah tumpangan, sedangkan di kawasan berhampiran ada kediaman rumah yang lain; serta (4) Bertepuk-tampar atau bergurau senda dengan lelaki yang bukan muhrim.⁷

⁷Dipetik dan diubahsuai daripada fail-fail MAIK (*Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan*). Lihat, contohnya, “Minta Majlis Mengadakan Jamin ke atas Perempuan-perempuan Jahat, Bagaimana Senarai Nama Mereka yang Dikehendaki oleh Mahkamah Syariah” dalam MAIK (*Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan*), 205/23; “Cadangan Hendak Dijalankan Semua Kuasa Berkenaan dengan Perempuan Jahat itu Kerana pada Masa ini Terlampau Banyak pada Merata Tempat Bandar dan Daerah” dalam MAIK (*Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan*), 280/31; “Meminta Majlis Menjadi Pendakwa di atas seorang Perempuan dan Laki-laki yang Telah Ditangkap oleh Tuan Haji Ahmad Mahir Kadi Besar,

Sekiranya wanita semasa ditangkap, bersama pasangannya, oleh pihak MAIK melakukan salah satu daripada perkara tersebut, maka mereka akan disoal siasat. Wanita berkenaan semakin disyaki, jika tidak mempunyai pekerjaan dan tiada suami atau “buje”, atau salah satu daripadanya menjadi faktor pemangkin kepada tuduhan sebagai pelacur (Hasan, 2004:132).

Selain istilah *Orang Bujang*, pelacur juga dikenali sebagai *Perempuan Jalang*, *Sundal*, *Perempuan Jahat*, *Orang Kaki Lima*, *Orang Mencari Duit*, serta *Kupu-kupu Malam* (Hasan, 2004:12). Istilah tersebut mempunyai hubungkait dengan budaya dan pemikiran Melayu.

Abdullah bin Abdul Kadir Munshi, dalam karyanya yang berjudul *Kesah Pelayaran Abdullah* (1928), pada suku pertama abad ke-19, mengguna istilah *jalang* bagi merujuk kepada pelacur di pelabuhan di Kelantan (Munshi, 1928:78). Tok Kenali (1921) pula, salah seorang ulama dan penulis terkenal Kelantan pada awal abad ke-20, menggunakan istilah *Sundal*, yang bermaksud “*berkasih-kasih dan berkendak atas jalan yang sehabis hina pada sisi Tuhan dan manusia*” (Kenali, 1921:4-5). Istilah tersebut digunapakai ketika beliau memperkatakan mengenai faktor dan langkah mengatasi masalah pelacuran (Kenali, 1921).

PERCERAIAN DAN KENYATAAN PELACUR

Perceraian dikenalpasti sebagai faktor utama berlakunya pelacuran dalam kalangan wanita Melayu Kelantan sebelum Perang Dunia II (1939-1945). Menurut laporan MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan), sebahagian wanita yang

Kesalahan Berkhalwat pada Hari Selasa Malam, 18/8/37” dalam MAIK (*Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan*), 342/37; “Perempuan-perempuan Sundal dalam Bandar Kota Bharu” dalam MAIK (*Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan*), 406/37; “Berkenaan 2 Orang Telah Ditangkap Semalam, 13/7/38, Pasal Kesalahan Berkhalwat, iaitu Mek Som di Gudang Lorong Kadir Diminta Majlis Dakwa di atas Kesalahan itu” dalam MAIK (*Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan*), 338/38; dan “Berkenaan dengan 4 Orang yang Telah Ditangkap pada 11/7/38, kerana Kesalahan Berkhalwat” dalam MAIK (*Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan*), 339/38.

ditangkap mengaku menjadi pelacur, kerana mereka tidak mempunyai suami. Selain itu, laporan MAIK turut menyebut bahawa salah satu sebab wujudnya kegiatan pelacuran, kerana kejahilan dan kurangnya kesedaran dalam kalangan sesetengah wanita yang berstatus “buje” (dalam Hasan, 2004).

Seorang wanita yang berasal dari Bachok (kenyataan 1) menyatakan bahawa dia melacur untuk “suka-suka hati”, kerana tiada pekerjaan yang boleh dilakukannya, memandangkan dia seorang “bujang”. Menurut wanita berkenaan:

Kenyataan 1: “Hamba (saya) turun ke Kota Bharu ini lebih kurang sebulan, kerana membeli barang, duduk di rumah Pak Man Jawa. Hamba ini duduk tiada pekerjaan, hanyalah suka-suka hati sahaja, sebab hamba bujang lebih kurang setahun dengan sekarang, hamba ini tidak tahu apa-apa, hanyalah baharu tahu hamba dipanggil ini sahaja”.⁸

Situasi yang sama digambarkan oleh wanita yang berasal dari Tumpat (kenyataan 2). Wanita berkenaan memberitahu kepada pihak MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan), yang beliau tiada tempat tinggal tetap. Menurutnya lagi, beliau akan tinggal di mana sahaja, sekiranya tempat berkenaan boleh menghiburkan hati. Menurut wanita itu lagi, keperluannya seperti makan, minum, serta pakaian tidak tentu diperolehi. Walau bagaimanapun, wanita berkenaan menyatakan bahawa beliau tidak menjadi perempuan simpanan kepada sesiapa pun. Wanita berkenaan sebaliknya mengaku “bermain muda”, kerana hidup seorang diri. Beliau juga menyatakan tidak mengetahui bahawa perbuatannya ditegah oleh kerajaan, sehinggalah beliau dipanggil oleh pihak MAIK. Berikut kenyataan beliau:

Kenyataan 2: “Maka sekarang saya duduk rata dengan sebab saya tiada laki (suami), di mana tempat yang boleh saya bersuka hati, di situlah saya duduk. Makan, pakai saya yang sehari ini tidak tetap saya dapat. Saya tiada

siapa-siapa yang memelihara saya. Saya ada buat (bermain muda) dan lain yang berkaitan dengan orang muda, dengan sebab saya seorang diri. Saya tidak tahu perkara bermain muda itu kerajaan ada tegah. Dahulu daripada ini, saya tidak pernah majlis panggil” (*ibidem* dengan nota kaki 8, ms.13).

Selain itu, terdapat juga dalam kalangan wanita tersebut yang mempunyai pekerjaan lain, tetapi mereka melacur kerana memenuhi tuntutan batin. Salah seorang wanita yang ditangkap oleh MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan) membuat pengakuan, yang beliau melacur sekali-sekala sahaja. Kenyataan 3 menggambarkan situasi tersebut.

Kenyataan 3: “Hamba ini bujang lebih kurang tujuh bulan dengan sekarang. Hamba duduk membuat kerja kepada bini raja Muda, ambil upah menumbuk, dan lainnya. Hamba ini tidak tetap ikut [...] hendak balik ke darat Mulong, kerana asal hamba orang Mulong. Hamba ini ada juga jarang-jarang sekali membuat jahat, bagaimana yang diketahui oleh majlis itu. Bukan hamba ini berjahat seperti orang lain-lain, itu hanyalah jarang-jarang sahaja, maklumlah orang bujang. Akan berkahwin dalam masa dua hari lagi” (*ibidem* dengan nota kaki 8, ms.2).

Sementara itu, ada dalam kalangan wanita (kenyataan 4) yang menyatakan bahawa beliau melacur kerana merasa “bosan” berada di rumah, memandangkan beliau “bujang”. Menurut wanita berkenaan, seperti berikut:

Kenyataan 4: “Saya ini peranakan di Kelantan, duduk saya pada masa ini yang tetapnya sedang di rumah saya. Maka, saya duduk di Kota Bharu di rumah Seman, saudara saya di Kampung Nik Seri Paduka; sebab yang saya duduk di rumah saudara saya ini, kerana saya ini puas duduk di rumah bapa saya seorang itu, kerana saya ini orang bujang. Sungguhpun saya duduk di Kota Bharu ini, bukan saya ini melakukan perkara jahat, barang ditegah syara’ dan mengakulah saya daripada tarikh surat ini, apakala saya melakukan perbuatan yang ditegah oleh Majlis Agama Islam, mengikutlah saya apa hukuman di atas saya. Dan juga kemudian daripada hari ini, saya mesti balik duduk di seberang di rumah bapa saya, hanya mari ke Kota Bharu ini sehari dua sahaja, kerana berjumpa dengan saudara saya, Sulaiman. Dan kemudian jika ada janji *temuir* (jodoh) saya, dengan siapa saya

⁸Lihat “Berkenaan dengan Perempuan Tua yang Menjadikan Barua Titahnya Minta Diberhentikan Mereka yang Semacam itu daripada Menjalankan Pekerjaannya” dalam MAIK (*Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan*), 135/16, ms.2.

hendak berlaki atau berkahwin” (*ibidem* dengan nota kaki 8, ms.6).

Berdasarkan kenyataan 4 tersebut menunjukkan bahawa wanita berkenaan merasa bosan tinggal di rumah, kerana keseorangan disebabkan beliau “bujang”. Menurut wanita itu lagi, bagi mengatasi masalah tersebut, beliau telah berkunjung ke rumah saudaranya yang terletak di Kota Bharu. Wanita tersebut, walau bagaimanapun, menafikan menjadi pelacur. Wanita berkenaan turut memberitahu MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan), yang beliau akan kembali ke kampung halamannya setelah berada beberapa hari di rumah saudaranya. Menurut wanita itu lagi, beliau menaruh harapan untuk berkahwin semula, sekiranya bertemu jodoh nanti.

Terdapat juga dalam kalangan wanita yang mengakui menjadi pelacur dengan harapan agar bertemu jodoh dengan salah seorang pelanggan mereka. Justeru itu, mereka memilih pelanggan dalam kalangan lelaki berbangsa Melayu sahaja. Ini dapat diperhatikan di dalam kenyataan 5, seperti berikut:

Kenyataan 5: “Saya duduk di Lorong Tengku Putera Semerak, saya sekarang bujang. Kehidupan saya dengan mencari makan dengan menari ronggeng, lain-lain pekerjaan tak dak. Saya tak dak bermain tetap dengan siapa-siapa pun, saya bujang lebih kurang setahun, saya ada bermain muda dengan tidak tetap ada juga, tetapi tidak lain ialah semata-mata dengan orang Melayu, lagi pula tidak saya pergi mengacau-gacau di kelain tempat, hanya di bandar Kota Bharu sahaja. Saya tahu pekerjaan itu salah pada hukum. Saya bermain-main itu kerana hendak cari bersetujuan dengan sebab hendak berkahwin, tetapi selama itu tidak bertemu lagi yang bersetujuan. Saya duduk bersekali dengan Mek Ngor, mak saudara Putih. Mek Ngor itu pun bujang juga. Sekarang saya tak dak berjanji dengan siapa-siapa lagi hendak berkahwin. Saya mengaku dan taat tidak bermain muda dari masa ini sampai bila-bila pun, dan mengaku saya melakukan perangai orang baik, sekiranya didapati melanggar akuan saya itu, mengaku saya menerima apa-apa hukuman”.⁹

⁹Dipetik daripada “Berkenaan dengan Empat Orang Perempuan Jahat Melakukan Kejahatan” dalam MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan), 125/21, ms.2.

Keinginan untuk berkahwin turut dinyatakan oleh wanita berikut, yang merupakan adik kepada wanita yang membuat kenyataan 5. Berbanding kakak beliau, wanita ini tidak melayan sembarangan lelaki; sebaliknya, beliau mempunyai seorang pelanggan tetap, yang bekerja sebagai anggota polis. Pengakuan tersebut dapat dilihat di dalam kenyataan 6, seperti berikut:

Kenyataan 6: “Saya sekarang duduk bersekali dengan kakak saya, Spiah, kehidupan saya dengan tidak ada apa-apa pekerjaan. Saya sekarang bujang, baharu lepas edah tiga hari dengan laki saya, Yusof. Saya sekarang bermain tetap dengan Awang mualaf, mata-mata gelap nombor 10. Saya bermain dengan dia lebih kurang dua bulan; dan perbelanjaan saya, Awang beri belanja iaitu semua gajinya diserahkan kepada saya sebanyak \$38. Awang ini orang Pasir Tumboh. Dalam masa ini seperti orang laki bini pada tidur duduk dan makan pakai. Saya hendak berkahwin dengan Awang, lagi satu bulan. Sebelum menikah, saya hendak bersuku-sukulah. Maka mengakulah saya tidak bersekali dengan Awang, melainkan kemudian daripada berkahwin; dan mengakulah saya hendak melakukan perangai yang baik, jika didapati menyalahi akuan saya itu, taatlah saya apa-apa hukuman” (*ibidem* dengan nota kaki 9, ms.3).

Berdasarkan kenyataan 5 dan 6, terdapat ciri persamaan dan perbezaan. Persamaan antara dua beradik ini ialah mereka berstatus “buje”. Selain itu, mereka juga memasang impian untuk berkahwin. Perbezaan antara keduanya ialah si kakak masih mencari pasangan yang sesuai, sementara si adik pula telah menemui pasangan yang diharapkan bakal menjadi suaminya kelak.

Kenyataan para “buje” tersebut menunjukkan bahawa mereka kesepian tanpa teman penghibur. Mereka turut mengalami tekanan perasaan dalam memenuhi tuntutan nafkah, terutamanya nafkah batin; dan sesetengah “buje” yang tipis imannya dengan mudah terjerumus ke dalam kegiatan pelacuran.

Perceraian juga menyebabkan sesetengah wanita kehilangan tempat pergantungan. Seorang wanita yang berasal dari Bachok (kenyataan 7), misalnya, memberitahu MAIK

Jadual 1:
Jangkamasa Perceraian dalam Kalangan Pelacur

Jangka Masa	Bilangan
20 hari hingga 4 bulan	20
4 bulan hingga 10 bulan	8
Lebih kurang 1 tahun	6
1.5 tahun	1
5 tahun	1
2 tahun	1
10 tahun	1
Jumlah	38

Sumber: Haryati Hasan (2003).

(Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan), seperti berikut:

Kenyataan 7: “Saya asalnya orang Bachok, lama turun ke Kota Bharu, dua bulan sewa rumah, saya bayar \$3.00, dan saya tak dak membuat suatu apa-apa pekerjaan, makan dan pakai hak saya sendiri, dan saya baharu bercerai dengan laki saya, dua bulan dan sudah cerai, saya tak dak bawa laki saya, nama Senik bin Husin, Kampung Bachok. Maka, saya hendak berlaki tak dak orang mahu lagi; jikalau ada orang mahu kepada saya, sekarang pun saya mahu selalu. Maka, saya mengaku sekarang, saya tidak mahu membuat melakukan kelakuan yang jahat; pada masa dahulu betul, saya membuat kelakuan yang jahat. Sekarang, saya hendak balik ke Bachok, ke kampong tempat saya, dan saya menurunkan tandatangan di bawah ini adanya”.¹⁰

Wanita berkenaan, di dalam pengakuannya kepada pihak MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan), menyatakan bahawa beliau terpaksa melacur kerana tidak mempunyai pekerjaan untuk menyara kehidupannya setelah ketiadaan suami. Menurut wanita itu lagi, beliau berhasrat untuk berkahwin semula supaya tidak berterusan menjadi pelacur. Keadaan ini menjelaskan mengapa kebanyakan pelacur yang ditangkap dan didakwa terdiri dalam kalangan janda.

Haryati Hasan (1999), dalam kajiannya, juga mendapati bahawa sehingga menjelang Perang Dunia II (1939-1945), perceraian

¹⁰Lihat “Berkenaan dengan Perempuan Tua yang Menjadikan Barua Titahnya Minta Diberhentikan Mereka yang Semacam itu daripada Menjalankan Pekerjaannya” dalam MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan), 135/16, ms.7.

merupakan faktor utama yang menyebabkan wanita menceburi lapangan pelacuran (Hasan, 1999:116-124). Menurut kajian tersebut:

[...] 66 kes dakwaan MAIK, lebih dua pertiga daripada pelacur terdiri daripada orang “bujang” atau yang pernah berkahwin dan berstatus janda. Seramai 53 orang pelacur menyatakan bahawa mereka dicerai, sementara 13 orang lagi tidak memberitahu status mereka (Hasan, 1999:121).

Bagi sesetengah pelacur tersebut, tempoh perceraian mereka sukar ditentukan, kerana hanya 38 orang sahaja yang memberitahu tarikh mereka bercerai dengan suami masing-masing. Daripada 38 orang itu, 20 orang telah bercerai antara 20 hari hingga 4 bulan, 8 orang antara 4 hingga 10 bulan, 6 orang telah bercerai lebih kurang 1 tahun, 1 orang lebih kurang 1.5 tahun, 1 orang dalam 2 tahun, 1 orang dalam 5 tahun, dan 1 orang lagi telah bercerai selama 10 tahun. Jadual 1 menunjukkan bilangan wanita tersebut menurut usia perceraian mereka.

Daripada 38 kes tersebut, lebih 50% (20 orang) daripada wanita yang tarikh perceraian mereka diketahui itu telah terjebak ke lembah pelacuran semasa dalam *‘idah* atau sebaik-baik sahaja selepas *‘idah*.¹¹

¹¹*‘Idah* ialah tempoh “tiga kali suci”, atau tiga bulan sepuluh hari, atau empat bulan sepuluh hari, atau setelah melahirkan anak. Menurut hukum Islam, wanita yang telah bercerai, atau kematian suami, haram bernikah semula semasa dalam *‘idah*. Sila rujuk, misalnya, “Garis Panduan Ber`Iddah bagi Wanita yang Bercerai atau Kematian Suami”. Wujud secara online di: <http://m.e-muamalat.gov.my/> [diakses di Tanjong Malim, Malaysia: 20 Mei 2015].

Tok Kenali, ulama terkenal Kelantan sebelum Perang Dunia II (1939-1945), dalam satu tulisannya pada tahun 1921, menyatakan bahawa salah satu sebab wanita terjebak ke lembah pelacuran kerana sifat malas dalam kalangan lelaki, dan mereka tidak mengambil berat untuk menanggung nafkah anak isteri. Menurut beliau, selanjutnya:

[...] maka daripada kemalasan itu dibiarkanlah anak isteri itu keluar sendiri mengerjakan yang patut dikerjakannya, dan tidak diambil berat walau isteri atau anak mudanya itu mencari kesukaan kesedapan dirinya (Kenali, 1921:5).

Dalam salah satu rencana, majalah *Al-Hikmah* pula ada menyatakan, seperti berikut:

Jarang-jarang sangat perempuan-perempuan menyundal, kerana menurut nafsu kepada kelazatan. Sebaliknya, tidak lain daripada masalah mengisi perut sahaja, atau berhajat kepada wang sedikit, kerana memenuhkan perutnya dan nafsunya yang tamak. Ini menunjukkan bahawa mereka itu kekurangan wali-wali yang menanggung nafkahnya, atau pun dari lain-lain sebab, yang semuanya itu tidak lain daripada masalah mengisi perut sahaja.¹²

Berdasarkan kenyataan tersebut menunjukkan bahawa terdapat dalam kalangan pelacur yang ingin kembali hidup berkeluarga. Namun begitu, impian mereka jarang tercapai, kerana hanya sebilangan kecil yang berjaya berkahwin semula, setelah diceraikan suami pertama. Selain itu, wanita bukan sahaja perlu mencari nafkah untuk menyara diri sendiri, tetapi mereka perlu menanggung beban membela anak yang masih kecil, setelah ditinggalkan oleh suami tanpa nafkah.

Selain itu, juga ada dalam kalangan wanita yang tidak mempunyai pendapatan tetap, tetapi terpaksa menyara ibu bapa yang telah tua. Wanita yang kurang pelajaran atau tiada kebolehan istimewa, seperti menjahit dan sebagainya, akhirnya terlibat dalam pelacuran sebagai jalan mudah untuk menyelesaikan masalah. Dalam

pada itu, sikap anggota masyarakat yang memandang serong terhadap golongan ini telah menambahkan lagi tekanan, yang turut menjadi pemangkin kepada terjerumusanya mereka ke dalam kegiatan pelacuran.

Masalah keruntuhan moral dalam kalangan “buje” berpunca daripada kejahilan atau lemahnya pegangan agama. Menurut *Majalah Guru*, tipisnya pengetahuan agama Islam dalam kalangan sesetengah orang Melayu waktu itu berpunca daripada kurang atau tidak berkesannya asuhan agama Islam dalam kalangan mereka.¹³

Menurut *Majalah Guru* lagi, terdapat ramai kanak-kanak Melayu hanya menerima ajaran Islam secara ringkas dan sambil lalu sahaja. Mereka belajar membaca Al-Qur’an, bersembahyang, berpuasa, dan lain-lain, tetapi tidak memahami atau menghayati apa yang mereka lakukan. Petikan daripada *Majalah Guru*, tahun 1930, menggambarkan keadaan tersebut:

Selain daripada babi haram, tuak haram, ini haram, itu haram, itu makruh, ini sunat, rukun Islam, rukun Iman, ini jika dibuat dapat pahala, itu jika dikerjakan berdosa, tidak sekali-kali mengerti anak-anak itu akan maksud sekalian yang dibacanya itu, hanya semata-mata lancar di mulut sahaja, tetapi tidak mendatangkan takut di hati mereka melanggar hukum-hukum yang telah dibacanya itu, seolah-olah seperti peti mengaji sahaja (*ibidem* dengan nota kaki 13, ms.78).

Tok Kenali (1921), salah seorang ulama dan penulis terkenal di Kelantan pada awal abad ke-20, misalnya, pernah juga menyatakan bahawa salah satu sebab berkembang biaknya pelacuran ialah kerana tiada didikan ibu bapa sewaktu anak-anak masih kecil. Ketiadaan didikan ini mungkin berpunca daripada kejahilan ibu bapa itu sendiri (Kenali, 1921:5).

Pada pandangan majalah *Pengasuh* pula, ketidakupayaan kaum ibu memikirkan persoalan akhlak, kerana mereka tidak berpelajaran. Ini mempengaruhi perbualan mereka yang sering membincangkan persoalan “mencarut”, lucah, dan tidak ilmiah. Menurut majalah *Pengasuh*:

¹²Rencana “Sundal” dalam majalah *Al-Hikmah*, Bil.284, Thn.6, 22 Februari 1940, ms.17.

¹³Rencana “Sebab Menjadi Jahat” dalam *Majalah Guru*, Thn.7, April 1930, ms.78.

Maka, kesalahan yang terbesar ialah tentang didikan kerana pada masa anak, gadis ini lagi budak, yang si ibu dan si bapanya selalu mencerita dan membualkan perkara-perkara yang tiada patut mengajarkan di kalangan anak-anak gadis itu dan melatihkan beberapa perkara kepada jalan bohong.¹⁴

Selain itu, seperti yang dinyatakan beberapa pemerhati sezaman, kebanyakan orang Melayu pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia II (1939-1945), banyak membuang masa dengan perkara sia-sia dan terpengaruh dengan kepercayaan yang bodoh dan karut-marut. Za'ba, pendita Melayu yang terkenal itu, misalnya menyatakan bahawa ramai orang muda menghabiskan masa dengan sia-sia, kerana terlalu menurut kehendak nafsu, boros berbelanja, dan tidak memikirkan masa depan. Orang-orang tua pula terpesong mempercayai hal karut-marut, seperti hantu, syaitan, jin, dan pelesit (Za'ba, t.th.:3).

Keadaan ini turut berlaku dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan. Menurut Abdullah bin Mohamed @ Nakula (1991), seorang pengkaji sejarah dan budaya Kelantan, kefasikan terbesar dalam kalangan orang Kelantan ialah perjudian. Kelekaan berjudi menyebabkan sesetengah daripada kaum lelaki lupa mengerjakan sembahyang dan terlibat dalam pencerobohan terhadap wanita (Nakula, 1991:59).

KESIMPULAN

Begitulah sepiantas lalu sebahagian daripada maklumat yang dapat dipungut daripada kenyataan pelacur, seperti yang tercatat dalam laporan MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan) sebelum Perang Dunia II (1939-1945). Seorang wanita Melayu Islam itu boleh terceburlah ke lembah pelacuran, kerana beberapa sebab yang saling berkaitan. Kurang penghayatan agama, kerana pendidikan yang tidak sempurna, menyumbang kepada masalah sosial amnya dan salahlaku seksual seperti pelacuran khasnya.

Di Kelantan, Malaysia, kegiatan pelacuran telah dapat dikesan sejak suku pertama abad

ke-19. Sehingga menjelang Perang Dunia II, kegiatan tersebut gagal dibasmi sepenuhnya, walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh pihak MAIK. Taraf pendidikan yang rendah hanya melayakkan kaum wanita bekerja di sektor *informal* dan terdapat dalam kalangan mereka yang tidak pernah bekerja. Kebanyakan daripada mereka pula telah berkahwin pada usia muda dan perkahwinan tersebut berakhir dengan perceraian.

Mereka menceburi lapangan pelacuran kerana desakan kewangan. Ini tidaklah menghairankan, kerana mereka datang daripada keluarga miskin dan terpaksa menanggung anak-anak serta ibu bapa. Pendapatan dalam sektor pertanian pula tidak tetap. Malah ada dalam kalangan mereka yang tidak mempunyai pekerjaan. Perceraian dan desakan kewangan, dengan demikian, dikenalpasti sebagai faktor utama yang menjerumuskan mereka ke dalam kegiatan pelacuran.

“Mencegah itu lebih baik daripada mengubati”. Pihak kerajaan perlu mengatasi masalah kemiskinan, mengurangkan kadar perceraian, memperbanyakkan peluang pekerjaan, serta menanamkan kefahaman dan penghayatan sebenar tentang Islam, selain mengutamakan kebajikan dan kepentingan kaum wanita.¹⁵

Referensi

- Annual Report Medical Department Kelantan, 1930.*
Annual Report Medical Department Kelantan, 1931.
“Berkenaan dengan Empat Orang Perempuan Jahat Melakukan Kejahatan” dalam *MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan)*, 125/21, ms.2.
“Berkenaan dengan Memberi Notis kepada Tempat Perempuan Duduk di dalam Kawasan Bandar” dalam *MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan)*, 361/22.
“Berkenaan dengan Perempuan Tua yang Menjadikan Barua Titahnya Minta Diberhentikan Mereka yang

¹⁵**Kenyataan:** Dengan ini saya menyatakan bahawa artikel ini adalah dapatan penyelidikan saya persendirian; jadi, ianya bukanlah amalan plagiarisme. Saya juga membuat kenyataan bahawa artikel ini belum dinilai dan tidak dihantar kepada mana-mana jurnal akademik untuk disiarkan. Saya bersedia untuk menerima hukuman secara akademik apabila di kemudian hari, kenyataan yang saya buat ini tidak sesuai dengan hakikat.

¹⁴Lihat majalah *Pengasuh*, 1 Jun 1931, ms.3.

- Semacam itu daripada Menjalankan Pekerjaannya” dalam *MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan)*, 135/16.
- “Berkenaan Perempuan Jahat” dalam *MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan)*, 43/17.
- “Berkenaan 2 Orang Telah Ditangkap Semalam, 13/7/38, Pasal Kesalahan Berkhalwat, iaitu Mek Som di Gudang Lorong Kadir Diminta Majlis Dakwa di atas Kesalahan itu” dalam *MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan)*, 338/38.
- “Berkenaan dengan 4 Orang yang Telah Ditangkap pada 11/7/38, kerana Kesalahan Berkhalwat” dalam *MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan)*, 339/38.
- “Cadangan Hendak Dijalankan Semua Kuasa berkenaan dengan Perempuan Jahat itu kerana pada Masa ini Terlampau Banyak pada Merata Tempat Bandar dan Daerah” dalam *MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan)*, 280/31.
- Firth, Rosemary. (1966). *Housekeeping among Malay Peasants*. London: University of London and Athlone Press.
- “Garis Panduan Ber`Iddah bagi Wanita yang Bercerai atau Kematian Suami”. Wujud secara online di: <http://m.e-muamalat.gov.my/> [diakses di Tanjong Malim, Malaysia: 20 Mei 2015].
- Haji Muhammad, Ishak. (1956). *Jalan ke Kota Bharu*. Singapore: Qalam.
- Hasan, Haryati. (1999). “Pelacuran di Kalangan Wanita Melayu Kelantan dari 1900 sehingga 1941”. *Tesis M.A. Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: UM [Universiti Malaya].
- Hasan, Haryati. (2003). “Pelacuran Wanita Melayu Kelantan Sebelum Perang Dunia Kedua: Satu Cerakinan Sebab-Musabab” dalam *Jurnal Ilmu Kemanusiaan*, Jil./Vol.8 [Oktober].
- Hasan, Haryati. (2004). “Wanita Kelantan dan Pelacuran: Satu Kes Kajian di Kota Bharu, 1950-an – 1970-an”. *Tesis Ph.D. Tidak Diterbitkan*. Bangi: UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].
- Kenali, Tok. (1921). “Persundalan” dalam *Surat Persendirian Za’ba*, SP18/1B/188, tarikh 30 Disember, ms.5.
- Laporan MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan)*, 156/38.
- Majalah Pengasuh*, 1 Jun 1931.
- “Meminta Majlis Menjadi Pendakwa di atas seorang Perempuan dan Laki-laki yang Telah Ditangkap oleh Tuan Haji Ahmad Mahir Kadi Besar, Kesalahan Berkhalwat pada Hari Selasa Malam, 18/8/37” dalam *MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan)*, 342/37.
- “Minta Majlis Mengadakan Jamin ke atas Perempuan-perempuan Jahat, Bagaimana Senarai Nama Mereka yang Dikehendaki oleh Mahkamah Syariah” dalam *MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan)*, 205/23.
- Munshi, Abdullah bin Abdul Kadir. (1928). *Kesah Pelayaran Abdullah*. Singapore: Malaya Publishing House Limited.
- Nakula, Abdullah bin Mohamed @. (1991). “Akademi Seni Tengku Temenggung: Satu Aspek dari Sejarah Sosial Kelantan, 1897-1935” dalam *Warisan Kelantan X*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- “Perempuan-perempuan Sundal dalam Bandar Kota Bharu” dalam *MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan)*, 406/37.
- Rencana “Sebab Menjadi Jahat” dalam *Majalah Guru*, Thn.7, April 1930, ms.78.
- Rencana “Sundal” dalam majalah *Al-Hikmah*, Bil.284, Thn.6, 22 Februari 1940, ms.17.
- Za’ba. (t.th.). “Pemandangan mengenai Orang Melayu” dalam *Surat Persendirian Za’ba*, SP18/3B/10, ms.3.



Logo MAIK

(Sumber: <http://freevectorise.blogspot.co.id>, 20/5/2015)

Di Kelantan, Malaysia, kegiatan pelacuran telah dapat dikesan sejak suku pertama abad ke-19. Sehingga menjelang Perang Dunia II, kegiatan tersebut gagal dibasmi sepenuhnya, walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh pihak MAIK (Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan). Taraf pendidikan yang rendah hanya melayakkan kaum wanita bekerja di sektor *informal* dan terdapat dalam kalangan mereka yang tidak pernah bekerja. Kebanyakan daripada mereka pula telah berkahwin pada usia muda dan perkahwinan tersebut berakhir dengan perceraian.